

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN B. ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 30 NOVEMBER 2015
SOALAN :

YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan sedar bahawa kajian-kajian saintifik telah menunjukkan dengan jelas bahawa punca utama obesiti ialah kenaikan paras insulin dan bukannya kerana masalah kalori tinggi. Bilakah Kementerian Kesihatan akan merubah pendekatan dalam rawatan obesiti.

Tuan Yang Di-Pertua,

Obesiti atau kegemukan terjadi disebabkan oleh pengambilan makanan yang berlebihan dan tahap aktiviti fizikal serta senaman yang tidak mencukupi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum bahawa pengambilan makanan tinggi kandungan gula dan karbohidrat ringkas dalam kuantiti yang tidak dikawal akan meningkatkan paras insulin dalam darah. Seterusnya akan berlaku peningkatan simpanan gula dalam badan yang akan ditukarkan ke bentuk lemak dan akan menyumbang kepada peningkatan berat badan.

Tuan Yang Di-Pertua,

KKM sentiasa komited untuk menangani masalah kegemukan (obesiti) di kalangan rakyat Malaysia. Selain daripada aktiviti pencegahan melalui pelbagai program yang dijalankan, KKM juga ada menjalankan rawatan obesiti menggunakan *Clinical Practice Guidelines on Management of Obesity 2004* dan *Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pemakanan Orang Dewasa Berlebihan Berat Badan / Obes* di klinik-klinik kesihatan dan hospital kerajaan.

Melalui rawatan ini, setiap individu yang obes akan melalui pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan untuk menentukan samada terdapat masalah kesihatan seperti kencing manis atau darah tinggi. Bagi individu yang mempunyai masalah akan dirawat mengikut prosedur rawatan penyakit yang dihidapi manakala bagi yang tidak mempunyai masalah kesihatan akan dirujuk kepada Pegawai Sains (Pemakanan) atau Pegawai Dietetik untuk mendapat nasihat pemakanan.

Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan (RCP) telah dipertingkatkan dari tahun ke tahun melalui pertambahan bilangan Pegawai Sains (Pemakanan) dan Pegawai Dietetik. Sehingga kini, seramai 263 orang Pegawai Sains (Pemakanan) sedang memberi perkhidmatan di klinik kesihatan kerajaan dengan liputan sebanyak 109,805 orang pesakit pada tahun 2013 dan telah meningkat kepada 127,883 orang untuk tahun 2014. Seramai 319 orang Pegawai Dietetik juga telah ditempatkan di hospital-hospital dan 69 orang berada di klinik-klinik kesihatan untuk memberi perkhidmatan pemakanan kepada masyarakat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Keadaan di mana kenaikan paras insulin dalam darah dikenali sebagai hiperinsulinemia. Hiperinsulinemia dikaitkan dengan tekanan Darah Tinggi, obesiti, dislipidemia dan kenaikan paras glukosa darah. Oleh kerana kesan hiperinsulinemia dan obesiti begitu berkait rapat, adalah sukar untuk menentukan sama ada hiperinsulinemia menyebabkan kegemukan atau obesiti yang menyebabkan hiperinsulinemia, atau kedua-duanya. Orang yang obes mempunyai lebih tisu adipos, yang merembeskan pelbagai metabolit, hormon dan *cytokines* yang boleh memainkan peranan dalam menyebabkan hiperinsulinemia.

Terdapat kajian oleh penyelidik di Universiti British Columbia pada tahun 2012 ada menyatakan bahawa "*high insulin levels could lead to obesity*". Namun, penemuan ini hanyalah berdasarkan kepada kajian beliau yang telah dijalankan ke atas tikus di makmal sahaja.

Obesiti adalah masalah kesihatan yang kompleks, berlaku akibat daripada gabungan pelbagai sebab dan faktor individu seperti tingkah laku (corak pemakanan, aktiviti fizikal, penggunaan ubat-ubatan dan genetik) dan faktor tambahan seperti persekitaran yang mempengaruhi pemakanan dan aktiviti fizikal, pendidikan dan kemahiran gaya hidup sihat dan promosi dan pemasaran makanan.

Pendekatan dalam rawatan obesiti Kementerian Kesihatan adalah mengikut *Clinical Practice Guideline Obesity* sediaada.